



Meneroka Isu dan Cabaran Daya Tahan Perniagaan Koperasi Mikro di Sarawak

YUSMAN YACOB^{1, a}, HAMIZAH MOHD NADZIR^{2, b}, SYARIFAH ROHAYA WAN IDRIS^{3, c}, NUR FATIN SHAZWANI AHMAD^{4, d}, DAYANG ADELINA ABANG MUAN^{5, e}, JATI KASUMA ALI^{6, f}, SHAFFARIDZUAN YAKUB^{7, g}

^{1,6,7} Universiti Teknologi MARA, Sarawak Branch, Malaysia

^{2,3,4,5} Institut Koperasi Malaysia, Sarawak Branch, Malaysia

^ayusmanyacob@uitm.edu.my, ^bhamizah@ikma.edu.my, ^csyarifah@ikma.edu.my, ^dnurfatinshazwani@ikma.edu.my,
^edayang@ikma.edu.my, ^fjati@uitm.edu.my & ^gshaffaridzuan@uitm.edu.my

Abstrak

Dalam usaha memperkasakan gerakan koperasi, penambahbaikan ekosistem pembangunan dan kawal selia koperasi perlu dilaksanakan. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi oleh gerakan koperasi pada ketika ini untuk membolehkannya berdaya tahan dalam perniagaan. Dalam konteks perniagaan masa kini, organisasi menghadapi pelbagai bentuk tekanan daripada persekitaran dalaman dan luaran perniagaan berikutan perubahan iklim perniagaan yang semakin kompleks dan mencabar. Kajian ini dijalankan bertujuan mengenal pasti isu dan cabaran daya tahan perniagaan koperasi mikro di negeri Sarawak menggunakan kaedah kualitatif. Sebanyak 22 buah koperasi mikro yang berusia lebih lima tahun di seluruh negeri Sarawak melibatkan keseluruhan sembilan fungsi perniagaan telah dipilih sebagai peserta dalam kajian ini. Pemilihan sampel adalah menggunakan kaedah persampelan bertujuan dan 22 responden telah di temubual. Data dianalisis menggunakan kaedah tematik yang merangkumi tiga tahap pengekodan iaitu pengekodan terbuka, berpaksi dan terpilih. Melalui proses temu bual bersemuka yang telah dijalankan menggunakan soalan protokol yang dibangunkan oleh penyelidik serta penterjemahan data yang diperolehi, antara cabaran yang dihadapi oleh koperasi mikro di Sarawak ketika ini antaranya kebergantungan kepada bantuan kerajaan, pendidikan koperasi, adaptasi kepada perubahan persekitaran perniagaan dan pengurusan inventori. Hasil dapatan kajian berupaya menyumbang kepada perkembangan ilmu akademik dan praktikal khususnya serta pembangunan koperasi mikro secara amnya.

Kata Kunci: Isu Cabaran; Daya Tahan; Perniagaan; Koperasi Mikro; Sarawak

1. Pengenalan

Di awal penubuhan koperasi di Malaysia, koperasi diperkenalkan untuk menangani masalah keberhutangan di kalangan petani dan kakitangan kerajaan. Pada tahun 1922, Jabatan Syarikat Kerjasama (kini Suruhanjaya Koperasi Malaysia) telah ditubuhkan di Taiping, Perak. Pada tahun yang sama, Enakmen Koperasi 1922 telah diperkenalkan untuk memantau syarikat kerjasama yang kini dikenali sebagai koperasi. Objektif penubuhan koperasi adalah untuk menggalakkan sikap berjimat cermat, berdikari dan bekerjasama dalam kalangan mereka yang mempunyai keperluan bersama. Sejak penubuhannya, bilangan koperasi terus meningkat dari tahun ke tahun. Aktiviti koperasi juga mula pelbagai dan sebahagiannya terlibat dalam aktiviti perniagaan yang berimpak tinggi. Bermula dengan sebelas koperasi pada 1922 (Salleh et al., 2008), bilangan koperasi telah meningkat kepada 14,629 pada 31 Disember 2020 dengan kenggotaan seramai 6.51 juta orang, modal syer berjumlah RM15.81 bilion dan aset bernilai RM150.49 bilion. Melalui sumber ini dan kekuatan kewangan mereka, koperasi menjana jumlah erolehan sebanyak RM41.45 bilion. Gerakan koperasi telah berkembang dengan begitu pesat pada masa kini. Pertambahan bilangan koperasi yang terlibat dengan pelbagai bidang perniagaan. Koperasi terlibat dalam pelbagai fungsi perniagaan untuk kesejahteraan dan kebajikan anggotanya. Bidang tersebut termasuklah perbankan, kredit, pertanian, perumahan, perindustrian, pengguna, pembangunan, pengangkutan dan perkhidmatan. Koperasi fungsi perbankan dan kredit merupakan pemain utama gerakan koperasi di negara ini dengan nilai urusan niaga berjumlah RM37.88 bilion iaitu 91.4% daripada keseluruhan perolehan sektor koperasi (SKM, 2021a). Sumbangan terbesar kepada perolehan ini dijana oleh 574 buah koperasi kredit dan perbankan yang merupakan 3.92% daripada jumlah koperasi berdaftar. Penyumbang terbesar adalah Coop Bank Pertama dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad.

Pengkelasan koperasi mengikut kluster di Malaysia adalah berdasarkan kepada perolehan koperasi. Terdapat empat kluster yang telah diklasifikasikan oleh SKM iaitu kluster besar (perolehan RM 5 juta dan ke atas), kluster sederhana (perolehan antara RM1 juta hingga RM5 juta), kluster kecil (perolehan RM200 ribu hingga RM1 juta) dan kluster mikro (perolehan RM 200 ribu dan ke bawah). Menurut statistik yang telah dikeluarkan oleh SKM, sehingga 31 Disember 2020, bilangan koperasi kluster mikro mendominasi bilangan keseluruhan koperasi di Malaysia. Daripada jumlah koperasi



berdaftar sebanyak 14,629, sebanyak 12,550 (85.8%) adalah koperasi kluster mikro, 1,358 (9.3%) koperasi kluster kecil, 479 (3.3%) koperasi kluster sederhana dan 242 (1.6%) koperasi kluster besar. Secara amnya, sehingga 31 Disember 2019, daripada 1,077 buah koperasi berdaftar di negeri Sarawak, sebanyak 388 buah atau 36 peratus dikategorikan sebagai tidak aktif atau dormant (SKM, 2020a). Majoriti 96 peratus koperasi di Sarawak berada dalam kluster kecil dan mikro iaitu 123 buah dan 918 buah masing-masing (SKM, 2020a). Pada tahun 2018, negeri Sarawak mencatatkan jumlah koperasi yang dibatalkan paling tinggi di Malaysia iaitu sebanyak 27 buah koperasi. Manakala, koperasi yang berusia 5-10 tahun pula mendominasi koperasi paling banyak dibatalkan iaitu sebanyak 42 buah koperasi di Malaysia (SKM, 2019). Dalam usaha memperkasakan gerakan koperasi, penambahbaikan ekosistem pembangunan dan kawal selia koperasi perlu dilaksanakan. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi oleh gerakan koperasi pada ketika ini untuk membolehkannya berdaya tahan dalam perniagaan. Misalnya berlaku ketidakseimbangan pertumbuhan dan prestasi antara koperasi, keupayaan dan kepakaran keusahawanan yang lemah, akses dan jangkauan pasaran yang masih bercorak tradisional, tadbir urus dan kawal selia yang lemah, tanggapan masyarakat yang negatif, penularan wabak covid-19 dan sebagainya yang membantutkan ketahanan perniagaan sesebuah perniagaan koperasi (SKM, 2021b). Oleh itu, kajian ini mencadangkan supaya isu serta cabaran yang dihadapi oleh koperasi mikro di Sarawak untuk difahami supaya ia boleh dijadikan sebagai asas permulaan serta panduan penting dalam usaha merangka polisi serta inisiatif untuk memperkasakan koperasi mikro di negeri Sarawak.

2. Sorotan Kajian

Terdapat banyak kajian terdahulu menunjukkan bahawa kebanyakan koperasi di seluruh dunia menghadapi pelbagai cabaran untuk bertahan serta memastikan kelangsungan perniagaan mereka. Antaranya koperasi kelapa sawit, koperasi pengguna (Hasbullah, 2015), koperasi fungsi kredit (Alexopoulos & Goglio, 2011), koperasi pertanian (Ahsan & Nurmayanti, 2016), koperasi luar bandar (Mhembwe & Dube, 2017), dan koperasi secara umum (Musa et al., 2020). Pendidikan koperasi amat diperlukan oleh organisasi koperasi untuk memberi kefahaman kepada anggota koperasi tentang visi, misi dan matlamat organisasi, hak dan kewajipan serta faedah menjadi ahli koperasi, serta memberi penerangan tentang peraturan, prosedur SOP (prosedur operasi standard) dan SOM (pengurusan operasi standard) dijalankan dalam organisasi. Pemahaman yang tinggi terhadap organisasi akan menarik minat mereka untuk menyumbang lebih banyak dan mengambil bahagian secara aktif demi kemajuan organisasi koperasi. Menurut kajian Trisuladana dan Suparman (2017), tahap penyertaan anggota sangat bergantung kepada pendidikan koperasi. Pengabaian pendidikan dan latihan dalam koperasi menyebabkan anggota tidak tahu peranan, hak dan tanggungjawab mereka terhadap koperasi. Koperasi yang gagal sering kali dikaitkan dengan kurangnya penghayatan terhadap prinsip koperasi dalam pengurusan mahupun pada anggota-anggotanya. Di Malaysia, hampir 90 peratus daripada jumlah perniagaan yang berdaftar adalah merupakan perniagaan bersaiz kecil dan sederhana. Dalam sektor koperasi juga menyaksikan bilangan koperasi di bawah kluster kecil dan mikro adalah tertinggi, iaitu hampir 14 ribu mewakili 95 peratus daripada keseluruhan koperasi di Malaysia (Perangkaan SKM sehingga 31 Disember 2020). Walaupun menunjukkan angka yang tinggi dari segi bilangannya, peniaga kecil dan sederhana ini masih lagi kecil bilangannya dari segi pencapaian prestasi perniagaannya yang maju dan berjaya. Faktor terpenting dalam memastikan kemajuan sesebuah perniagaan adalah faktor modal. Dapatan kajian oleh Yusof et al., (2020) terhadap usahawan muda di Malaysia yang terlibat dalam Program Rural Business Challenges mendapati bahawa dimensi Modal/Dana merupakan antara faktor kejayaan usahawan muda dalam perniagaan IKS. Kerajaan melalui SKM telah menyediakan pelbagai sokongan dan bantuan untuk sektor koperasi. Walau bagaimanapun, prestasi yang ditunjukkan oleh sektor koperasi adalah kurang memuaskan (Shakir et al., 2020). Sumbangan koperasi kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia pada 2016 hanyalah 1 peratus dan sedikit meningkat sebanyak 3.97 peratus pada tahun 2014-2019. Pencapaian ini jauh lebih rendah berbanding dengan negara-negara lain seperti Thailand (19%), Vietnam (26%), Perancis (9%), dan Switzerland (16.4%) (Lanson, 2011; Shakir et al., 2020).


Seiring dengan perkembangan pesat teknologi maklumat masa kini, koperasi perlu banyak di beri pendedahan berkaitan penggunaan alat komunikasi digital dan ICT secara lebih meluas. Aplikasi dalam talian terkini seperti Facebook, Instagram, Whatsapp, Instagram, Shopee dan Lazada merupakan platform yang mampu meningkatkan hasil perniagaan koperasi. Manakala Venkatesh dan Davis (2000) menyatakan seseorang individu yang menggunakan kemudahan teknologi digambarkan sebagai seseorang yang berkemampuan dalam meningkatkan hasil dan mutu kerja yang lebih bagus. Koperasi pada masa kini perlu mengadaptasikan cara perniagaan sejajar dengan zaman teknologi hari ini di mana keupayaan teknologi maklumat banyak mengubah sistem ekonomi dan perniagaan.

3. Metodologi Kajian

Dalam penyelidikan ini, pendekatan kualitatif dipilih berdasarkan keupayaannya dalam proses interaktif bagi mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh koperasi mikro di negeri Sarawak. Ianya amat penting dalam pengembangan



teori tanpa terikat kepada pembolehubah sedia ada. Pendekatan kualitatif menggunakan kaedah secara induktif bertujuan untuk meneroka, membangunkan teori dan menghuraikan dapatan kajian. Oleh yang demikian, pemilihan pendekatan kualitatif bagi penyelidikan yang dijalankan ini dilihat mampu mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh koperasi mikro di negeri Sarawak.



Rajah 1: Proses Kajian

Kejayaan sesebuah penyelidikan eksploratori mampu memperkasakan keupayaan para penyelidik memahami pandangan peserta secara asli dengan menyeimbangkannya dengan pelbagai perspektif pandangan melalui interaksi temu bual bersama peserta kajian dan akhirnya mampu untuk menghasilkan satu konklusi kepada persoalan kajian (Saunders & Lewis, 2012). Rajah 1 merumuskan proses kajian bermula daripada proses mendapatkan maklumat koperasi, pengumpulan data sehinggalah ke peringkat penganalisan data. Bagi memastikan informan yang dipilih dapat memberikan maklumat serta data yang mencukupi, koperasi mikro daripada senarai diperolehi dari pihak SKM telah dianalisa. Pengkaji telah menetapkan ciri-ciri koperasi mikro yang dipilih di Sarawak melibatkan keseluruhan sembilan fungsi yang dijalankan oleh koperasi dan telah berusia lebih lima tahun penubuhan. Tempoh ini mengambil kira satu tempoh bagi sesebuah koperasi melalui fasa pertumbuhan sekurang-kurangnya sehingga fasa perkembangan. Informan yang dipilih adalah dalam kalangan ALK, pengurus atau kakitangan yang terlibat secara langsung dalam fungsi pentadbiran dan pengurusan sesebuah koperasi. Data sekunder mengenai koperasi mikro diambil terlebih dahulu daripada pihak SKM. Data primer pula dikutip daripada sampel populasi yang telah ditentukan. Data ini dikumpul secara temu bual bersemuka menggunakan soalan protokol yang telah dibangunkan. Pengumpulan data merangkumi 22 temu bual bersemuka secara fizikal bersama peserta kajian. Temu bual bersemuka dijalankan bersama koperasi mikro di tiga buah zon meliputi Zon Utara (Miri, Limbang, Bintulu), Zon Tengah (Mukah, Sibul, Sarikei) dan Zon Selatan (Betong, Sri Aman, Kuching). Pemilihan koperasi mikro sebagai sampel kajian adalah berdasarkan ciri-ciri yang telah ditetapkan oleh penyelidik melibatkan keseluruhan sembilan fungsi utama koperasi dan usia penubuhan koperasi mikro melebihi lima tahun di Sarawak.

Jadual 1: Senarai Peserta Kajian

Bil	Koperasi/Agensi	Lokasi	Peserta Kajian	Tempoh Temuduga (minit)
1	Koperasi R1	Limbang	ALK	44:28
2	Koperasi R2	Limbang	ALK	54:36
3	Koperasi R3	Miri	ALK	52:53
4	Koperasi R4	Miri	ALK	1:08:02
5	Koperasi R5	Miri	ALK	46:10



6	Koperasi R6	Miri	Penyelia	1:00:18
7	Koperasi R7	Bintulu	ALK	27:01
8	Koperasi R8	Bintulu	ALK	1:03:19
9	Koperasi R9	Daro	ALK	36:29
10	Koperasi R10	Mukah	ALK	25:13
11	Koperasi R11	Mukah	ALK	38:00
12	Koperasi R12	Sibu	ALK	39:22
13	Koperasi R13	Sarikei	ALK	37:46
14	Koperasi R14	Sibu	ALK	47:23
15	Koperasi R15	Sibu	ALK	24:13
16	Koperasi R16	Sibu	ALK	38:06
17	Koperasi R17	Betong	ALK	1:00:11
18	Koperasi R18	Sri Aman	ALK	35:27
19	Koperasi R19	Sri Aman	ALK	52:59
20	Koperasi R20	Sri Aman	Penyelia	1:01:51
21	Koperasi R21	Kuching	ALK	35:26
22	Koperasi R22	Kuching	ALK	1:03:22

Analisis data kualitatif merujuk kepada satu proses yang berstruktur dan bersistematik bertujuan mengurus data temu bual dan dokumen yang diperolehi untuk mendapatkan makna dan pengetahuan setiap maklumat yang diperolehi. Temu bual bersemuka yang dijalankan, direkod secara audio dan bertulis. Seterusnya, rakaman audio perbualan antara penyelidik dan peserta kajian diterjemah oleh pegawai penyelidik sosial bagi tujuan mendapatkan hasil transkrip temu bual dalam bentuk teks. Dalam kajian ini, analisis tema (*thematic analysis*) digunakan disebabkan penyelidik perlu membangunkan tema yang sesuai. Terdapat tiga tahap yang terlibat dalam proses pengekodan data iaitu pengekodan terbuka (*open coding*), pengekodan berpaksi (*axial coding*) dan pengekodan terpilih (*selective coding*) sebelum proses penganalisan dibuat. Seterusnya pengesahan data disemak secara berterusan melalui dapatan data daripada informan yang berbeza sepanjang proses pengumpulan data (sesi temu bual). Pengesahan data antara informan berkaitan aspek yang sama mengukuhkan kredibiliti data yang diperolehi. Pengesahan data adalah penting bagi memastikan data yang dikutip mempunyai kesahan dalaman yang boleh dipercayai. Beberapa strategi yang lazim digunakan untuk pengesahan data seperti triangulasi data, pemeriksaan oleh peserta penyelidikan, pemerhatian berulang di tapak kajian, penyertaan peserta penyelidikan secara berterusan serta penjelasan kecenderungan penyelidik (Creswell, 2014).

4. Penemuan Kajian

4.1 Profil Demografi Koperasi

Jadual 2: Profil Demografi Koperasi

Lokasi	Koperasi	Aktiviti Perniagaan
Limbang	1	Perindustrian
	2	Pengguna
Miri	3	Pertanian
	4	Perkhidmatan
	5	Pengguna
	6	Perkhidmatan
Bintulu	7	Perkhidmatan
Daro	8	Pertanian
	9	Perkhidmatan
Mukah	10	Pertanian
	11	Pertanian
Sibu	12	Pengguna
	13	Pertanian
	14	Pengguna
	15	Pengguna
	15	Pengguna



	16	Pengguna
Betong	17	Pertanian
	18	Perindustrian
Sri Aman	19	Pengguna
	20	Pengguna
Kuching	21	Pengguna
	22	Kredit

Terdapat 22 buah koperasi mikro di Sarawak yang menepati ciri-ciri yang ditetapkan oleh penyelidik telah ditemui dalam kajian ini. Jadual 2 menunjukkan aktiviti utama perniagaan koperasi mikro yang terpilih di Sarawak.

4.2 Isu dan Cabaran Perniagaan Koperasi Mikro di Sarawak

Antara isu dan cabaran perniagaan yang dihadapi oleh koperasi di Sarawak adalah dari segi pendidikan koperasi, kebergantungan kepada bantuan perniagaan, pengurusan inventori dan adaptasi kepada perubahan persekitaran perniagaan.

4.2.1 Pendidikan Koperasi

Koperasi masih hadapi banyak cabaran seperti keanggotaan, kewangan, kepimpinan dan pengurusan koperasi. Selain budaya keusahawanan rendah, kurang pemahaman koperasi dan pengalaman lampau yang tidak baik juga menyebabkan berlakunya kurang keyakinan masyarakat dalam koperasi. Keyakinan masyarakat yang sangat rendah terhadap koperasi merupakan faktor pendorong kepada mereka untuk tidak menyertai koperasi. Perkara ini dibuktikan melalui pernyataan yang dibuat oleh peserta kajian.

“Tapi dorang tanya apa yang dorang boleh dapat daripada koperasi ni. Kalau tidak ada apa-apa tidak payah lah kami ikut koperasi. Begitu lah. Itu kadang saya tengok koperasi ni terlampau ketat dia punya undang-undang.”

(Koperasi R2, 2021)

Malah terdapat juga di kalangan anggota sendiri yang kurang berkeyakinan terhadap koperasi yang mereka anggotai. Mereka lebih mempersoalkan imbuhan yang mereka perolehi apabila menjadi anggota sesebuah koperasi tanpa memikirkan sumbangan yang perlu mereka laksanakan terlebih dahulu setelah menjadi anggota.

“Faktor yang lain anggota-anggota yang lain tidak mempunyai keyakinan ke atas kegiatan koperasi. Akhirnya ruang niaga yang strategik telah diserahkan kembali kepada pejabat MARA Limbang.”

(Koperasi R2, 2022)

Untuk menangani cabaran ini, apa yang perlu dilihat adalah sama ada anggota kurang keyakinan terhadap koperasi mereka sendiri atau kurang yakin terhadap lembaga koperasi atau manfaat daripada aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh koperasi. Selain keyakinan masyarakat yang rendah terhadap koperasi, koperasi juga berhadapan dengan masalah penyertaan anggota yang rendah dalam pengurusan dan pentadbirannya akibat kurangnya pemahaman anggota tentang koperasi.

“Pemahaman anggota terhadap konsep berkoperasi ramai orang tidak faham.”

(Koperasi R4, 2021)

“Sebenarnya koperasi kalau kita lihat yang saya perhati lah selama saya jadi anggota koperasi ini kesedaran anggota kita masih lemah sebenarnya.”

(Koperasi R22, 2022)

Anggota yang pernah mengikuti pendidikan koperasi akan lebih mengetahui peranan mereka dalam menentukan kemajuan perniagaan koperasi. Pendidikan koperasi dijalankan secara berterusan akan memberi manfaat yang besar dalam membentuk pemikiran anggota dan meningkatkan daya tarikan mereka terhadap koperasi. Seterusnya mendorong keinginan anggota untuk menyertai aktiviti koperasi sekaligus meningkatkan penyertaan mereka dalam koperasi.



4.2.2 Kebergantungan Kepada Bantuan Perniagaan

Salah satu aspek yang jelas membelenggu perniagaan koperasi adalah masalah kekurangan modal. Kekangan tersebut menyebabkan mereka sentiasa beranggapan bahawa kerajaan perlu sentiasa membantu perniagaan mereka secara berterusan melalui pelbagai inisiatif sama ada berbentuk kewangan dan bukan kewangan. Terdapat juga dalam kalangan peserta kajian menyatakan bahawa sikap “tunggu dan lihat” juga terdapat dalam kalangan anggota. Anggota hanya akan menyumbang modal saham sekiranya mereka mendapati koperasi sudah berdaya maju dan memberikan pulangan yang tinggi. Ia menjadi salah satu punca kebanyakan koperasi mempunyai masalah kekurangan modal. Ini disokong oleh pernyataan peserta kajian berikut.

“Ha, kewangan. Mereka masih lagi takut hendak melabur syer. Satu dia kita tidak pernah mendapat bantuan daripada kerajaan. Sepatutnya kerajaan melalui SKM dapat memberi geran.”

(Koperasi R5, 2021)

Sikap kebergantungan terhadap bantuan kerajaan terutamanya yang berkaitan pembiayaan modal samada berbentuk kewangan atau bantuan peralatan dan perkakasan telah menghadkan keupayaan mereka untuk mengembangkan perniagaan. Ini seperti yang digambarkan melalui pernyataan peserta kajian di bawah. Akibat didatangi oleh bantuan kerajaan juga kadang kala boleh menghadkan perjalanan aktiviti perniagaan koperasi. Aktiviti koperasi terpaksa dihentikan seketika apabila bantuan yang dihulurkan berlaku semasa aktiviti koperasi sedang berjalan. Ini sedikit sebanyak akan mengganggu perkembangan aktiviti koperasi itu untuk berkembang.

“Tapi bila kami nak bertanam, pihak pertanian kata nak tolong. Jadi kami terpaksa tunggu. Kalau nak bertanam, mana nak letak 100 tu kerana pihak pertanian membantu kami. Terpaksa tunggu mereka.”

(Koperasi R8, 2021)

Biarpun bantuan perniagaan itu satu keperluan yang penting dalam membangunkan perniagaan, namun koperasi tidak seharusnya terlalu bergantung kepadanya. Seperti saranan West dan Noel (2009), yang mana peringkat awal untuk meneroka perniagaan adalah tahap kritikal untuk kebanyakan perniagaan, sehingga perlu menguruskan sumber-sumber mereka dengan cekap dalam mengurangkan risiko ketidakupayaan perniagaan. Justeru, koperasi disarankan supaya membuat kajian pasaran dan menyediakan aliran tunai yang mencukupi sebelum memulakan sesuatu perniagaan.

4.2.3 Pengurusan Inventori

Berdasarkan maklum balas responden masalah inventori dan kenaikan bahan mentah merupakan masalah yang kerap kali dihadapi oleh koperasi.

“Dari segi kemudahan ini saja lah yang susah nak dapatkan kalau macam packaging ni. Dan lagi satu bahan mentah. Bahan mentah yang sekarang ni telur yang susah. Lagipun harga bahan memang naik. Semua naik. Sebab penghantaran kan melalui Brunei.”

(Koperasi R1, 2021)

“Sebab bila lori dari Sibu tidak sampai, kami tiada bekalan stok ais. Terputus bekalan terutamanya perayaan macam tahun baru cina.”

(Koperasi R9, 2021)

Dengan adanya pengurusan inventori yang sistematik koperasi akan tidak terlalu bergantung kepada pihak pembekal kerana koperasi sendiri akan dapat mengawal jumlah stok bekalan mereka bagi mengelak kekurangan bahan mentah.

4.2.4 Adaptasi Kepada Perubahan Persekitaran Perniagaan

Terdapat dua dimensi di bawah adaptasi kepada perubahan persekitaran perniagaan iaitu persaingan perniagaan dan keupayaan teknologi.

i. Persaingan Perniagaan

Koperasi perlu mengambil langkah yang sewajarnya untuk mengadaptasi perniagaan semasa mereka kepada model perniagaan terkini seperti perniagaan secara digital atau e-dagang. Pengadaptasian perniagaan ini perlu dilakukan dalam



usaha untuk menjamin agar sektor koperasi kekal berdaya saing dan dapat memberi perkhidmatan yang terbaik kepada anggota mereka.

“Yang bertahan is more to yang online punya nature.”

(Koperasi R6, 2021)

“Macam tahun lepas ya sepanjang bulan 3 sampai bulan 6 kan kita terhad 2 hari seminggu saja untuk turun. Jadi itu sahaja tempoh kami bekerja. Jualan dibuat secara online.”

(Koperasi R20, 2021)

“Penting untuk bertahan ya bila kita tukar strategi.”

(Koperasi R6, 2021)

Dalam menghadapi keadaan ekonomi yang tidak menentu pada masa sekarang, koperasi hendaklah mengambil tindakan proaktif dan berani mengambil peluang perniagaan secara aktif. Persaingan dalam perniagaan perlu di lihat dari sudut yang positif di mana ianya bertindak sebagai satu rangsangan yang bagus bagi menggalakkan koperasi untuk terus berinovasi serta berdaya saing dalam pasaran.

ii. Keupayaan Teknologi

Hampir semua rangkaian ekonomi kini berdepan dengan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) yang menjurus kepada pelbagai teknologi baharu. Oleh itu adalah penting bagi koperasi ini untuk meningkatkan keupayaan teknologi perniagaan agar dapat untuk berdaya saing sekali gus mampu menambah produktiviti mereka.

“Perniagaan di ruang niaga ICATS MARA tidak menggalakkan kerana persaingan dengan peniaga-peniaga yang telah wujud yang mempunyai modal yang besar. Koperasi ini beransur tenat dan menanggung kerugian.”

(Koperasi R2, 2021)

“Berbanding kedai-kedai lain setakat ini memang koperasi belum dapat bertanding dengan kedai yang lama wujud di pasar lah.”

(Koperasi R20, 2021)

“Ya, mode online. Sekarang pun tidak dapat sebab teknologi kita belum dapat menyokong untuk tu.”

(Koperasi R5, 2021)

“Dari segi kemudahan ini saja lah yang susah nak dapatkan kalau macam packaging ni. Dan lagi satu bahan mentah. Bahan mentah sekarang ni telur yang susah. Lagipun harga bahan memang naik. Semua naik. Sebab penghantaran kan melalui Brunei.”

(Koperasi R1, 2021)

“Sebab bila lori dari Sibu tidak sampai kami mengalami ketiadaa stok bekalan ais. Terputus bekalan terutamanya perayaan macam tahun baru cina”

(Koperasi R9, 2021)

Adalah amat penting bagi sesebuah koperasi mempunyai sistem pengurusan inventori yang sistematik bagi mengelak kekurangan bekalan. Mereka hendaklah sentiasa peka dan efisien dalam mengurus inventori mereka bagi mengelak pembaziran dari masa, wang dan tenaga kerja mereka. Berdasarkan huraian terhadap empat sub-tema yang dikenalpasti membentuk tema isu dan cabaran perniagaan koperasi, dapat dirumuskan bahawa petunjuk pendidikan koperasi dan kebergantungan kepada bantuan perniagaan menjadi aspek utama kepada isu dan cabaran perniagaan koperasi. Walau bagaimanapun, petunjuk pengurusan inventori dan adaptasi kepada perubahan persekitaran juga diambilkira bagi sesetengah koperasi dalam mengukur kejayaan.



Jadual 3: Data Tema Isu dan Cabaran Perniagaan Koperasi

Isu dan Cabaran Perniagaan Koperasi	Zon Utara	Zon Tengah	Zon Selatan	Jumlah
Pendidikan Koperasi	5	2	3	10
Kebergantungan Kepada Bantuan Perniagaan	3	2	2	7
Pengurusan Inventori	3	1	0	4
Adaptasi Kepada Perubahan Persekitaran Perniagaan	2	0	1	3

Jadual 3 menunjukkan data bagi melihat rekod kenyataan informan mengikut tema dan sub-tema yang telah dibincangkan di bawah isu dan cabaran perniagaan koperasi. Jadual ini dijadikan asas di dalam proses pengesahan data.

5. Cadangan dan Kesimpulan

Dalam landskap perniagaan yang serba kompetitif dan dinamik masa kini, koperasi perlu berdepan dengan pelbagai perubahan persekitaran ekonomi, sosial dan politik tempatan mahupun antarabangsa yang memerlukan gerakan koperasi untuk bergerak seiringan. Selain itu, koperasi juga tidak terkecuali berdepan dengan pelbagai isu serta cabaran dalaman perniagaan seperti kekurangan modal, kurangnya penglibatan dan tahap keyakinan yang rendah dalam kalangan ahli, risiko perniagaan yang sukar diramal dan sebagainya. Penemuan kajian telah mengenal pasti beberapa cabaran utama yang dihadapi oleh koperasi mikro di Sarawak iaitu kebergantungan kepada bantuan kerajaan, kurangnya kesedaran berkaitan pendidikan koperasi, kesukaran mengadaptasi kepada perubahan persekitaran perniagaan, dan pengurusan inventori. Perancangan strategik yang bertepatan dengan matlamat dan objektif sebenar koperasi adalah penting bagi memastikan koperasi berada dalam landasan yang tepat supaya ia dapat mencapai pertumbuhan prestasi yang cemerlang bagi membolehkan ia bergerak dari satu fasa pertumbuhan, pembangunan dan kematangan. Bagi mencapai usaha ini, komitmen dan kerjasama daripada barisan ALK dan pengurusan koperasi diperlukan supaya aspek pemantauan dan pelaksanaan intervensi mahupun apa jua inisiatif ke arah pencapaian matlamat dapat dilaksanakan dengan teratur dan sistematik. Dalam usaha mempertingkatkan amalan tadbir urus koperasi khususnya koperasi mikro, aspek pengurusan kewangan serta pengurusan inventori perlu diberikan perhatian oleh koperasi. Ini kerana, aspek ini masih dilihat agak lemah dalam urus tadbir koperasi. Barisan ALK serta pengurusan koperasi perlulah sentiasa proaktif dalam menguruskan kewangan dan inventori koperasi. Di sini memerlukan mereka menguasai kemahiran dari segi pengetahuan dan kemahiran pengurusan modal kerja perniagaan.

Pembudayaan ilmu amat signifikan bagi memastikan modal insan dalam koperasi dapat terus digemblengkan dan diperkasakan. Koperasi seharusnya menjadikan agenda pembangunan modal insan melalui pendidikan anggota dan pendidikan keusahawanan sebagai satu inisiatif penting bagi menggerakkan koperasi ke tahap yang lebih baik. Inisiatif ini perlulah dilihat serta dilaksanakan secara berterusan sebagai satu strategi pembudayaan ilmu dalam koperasi. Penguasaan kemahiran berkaitan urus tadbir dan keusahawanan koperasi melalui latihan dan pendidikan berupaya meletakkan koperasi sebagai agen perubahan dalam usaha meningkatkan kesedaran anggota dan masyarakat tentang peranan koperasi sebagai institusi penting bagi meningkatkan ekonomi dan sosial rakyat. ALK dan barisan pengurusan yang profesional amat diperlukan dalam pengurusan sesebuah koperasi. Mereka perlu mempunyai tahap kompetensi yang tinggi bagi memastikan koperasi berupaya bergerak sebagai sebuah entiti perniagaan relevan serta mempunyai nilai-nilai perniagaan dalam usaha merealisasikan matlamat dan sosial koperasi. Tahap kompetensi yang tinggi dalam kalangan ALK dan pengurusan koperasi berupaya membentuk minda dan sikap mereka untuk bertindak sebagai ahli perniagaan dalam pengurusan koperasi di samping berupaya melihat peluang-peluang perniagaan yang bersesuaian dengan lanskap koperasi serta mengatur strategi-strategi bersesuaian dalam aktiviti perniagaan. Melalui dapatan kajian ini, kebergantungan koperasi daripada kerajaan dilihat sebagai satu cabaran utama dalam usaha kerajaan menjadikan koperasi sebagai entiti yang berupaya menyumbang kepada pendapatan negara. Walaubagaimanapun, sokongan dan bantuan daripada pihak kerajaan melalui SKM masih dilihat relevan dalam usaha membangunkan perniagaan koperasi. Antaranya mengutamakan kemudahan pembiayaan dan bantuan perniagaan untuk koperasi mikro berpotensi untuk ditingkatkan (up-scale) prestasi, menyediakan insentif dan geran perniagaan serta memberi bimbingan untuk meningkatkan daya tahan serta pertumbuhan perniagaan koperasi.

Bagi memperkukuhkan latihan dan pendidikan koperasi khususnya dalam kalangan koperasi mikro, keperluan melaksanakan Analisis Keperluan Latihan oleh agensi latihan koperasi seperti Institut Koperasi Malaysia (IKMa) amat penting bagi menilai latihan dan pendidikan yang diperlukan oleh barisan pengurusan dan pentadbiran koperasi mikro. Pembangunan modal insan dalam koperasi mikro perlu dititikberatkan memandangkan kebanyakan koperasi di Malaysia masih berada pada tahap mikro dan kecil dan prestasinya haruslah dipertingkatkan agar setanding dengan koperasi-



koperasi maju yang lain. Koperasi juga perlu didedahkan dengan strategi perniagaan yang bersesuaian mengikut keperluan perubahan persekitaran di samping melaksanakan program-program kesedaran berkoperasi dalam kalangan mereka. Kajian lanjut juga boleh menggunakan pendekatan kuantitatif bagi menguji pembolehubah factor-faktor yang menyumbang kepada prestasi pertumbuhan koperasi mikro di Sarawak. Melalui dapatan ini kelak, pengkaji boleh menilai factor-faktor penting yang harus diberikan perhatian oleh koperasi mahupun pengamal industri untuk terus kekal relevan dan kompetitif dalam mendepani perubahan persekitaran. Kajian masa depan juga boleh dilaksanakan untuk mengenal pasti perhubungan di antara pembolehubah tersebut terhadap profil demografi koperasi dan prestasi koperasi.

6. Rujukan

- Ahsan, A., & Nurmayanti, E. (2016). Cooperatives in Indonesia: Recent conditions and challenges. Makalah. Universitas Indonesia.
- Alexopoulos, Y., & Goglio, S. (2011). Financial cooperatives: Problems and challenges in the post-crisis era. *Journal of Rural Cooperation*, 39(1), 1-14.
- Creswell, J.W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches*. Sage Publications, Inc.
- Hasbullah, N. (2015). Challenges Facing the Malaysian Consumer Cooperatives: A Case Study.
- Lanson, J. (2011, November 22). Sasar tingkat sumbangan koperasi. The Borneo Post. <http://www.theborneopost.com/2011/11/22/sasar-tingkat-sumbangan-koperasi/>.
- Mhembwe, S., & Dube, E. (2017). The role of cooperatives in sustaining the livelihoods of rural communities: The case of rural cooperatives in Shurugwi District, Zimbabwe. *Journal of Disaster Risk Studies*, 9(1), 1-9.
- Musa, I., Musa, D., & Muhammad, N. (2020). Business performance of cooperatives in malaysia: issues, challenges and future direction. *Journal on Technical and Vocational Education*, 5(1), 27-40.
- Salleh, H. M., Arshad, A., Shaarani, A. F., & Kasmuri, N. (2008). *Gerakan Koperasi di Malaysia*. Maktab Kerjasama Malaysia.
- Saunders, M. N. K., Lewis, P. & Thornhill, A. (2012). *Research methods for business students* (6th ed.). FT Prentice Hall.
- Shakir, K. A., Ramli, A., Pulka, B. M., & Ghazali, F. H. (2020). The link between human capital and cooperatives performance. *Journal of Entrepreneurship Education*, 23(1), 1–12.
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia (2021a). *Laporan Ekonomi Sektor Koperasi (2020)*. <https://www.skm.gov.my/index.php/my/286-penerbitan/3588-laporan-ekonomi-sektor-koperasi-2020>.
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia (2021b). *Pelan Transformasi Koperasi 2021-2025*. [https://www.skm.gov.my/images/Transkom/TRANSKOM%20\(25\).pdf](https://www.skm.gov.my/images/Transkom/TRANSKOM%20(25).pdf).
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2010). *Dasar Koperasi Negara 2011-2020*.
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2019). *Laporan Ekonomi Sektor Koperasi Tahun 2018*. <https://www.skm.gov.my/index.php/my/pusat-media/penerbitan/laporan-ekonomi-sektor-koperasi-2018>.
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2020a). *Laporan Ekonomi Sektor Koperasi Tahun 2019*.
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2020b). *Statistik Perangkaan Gerakan Koperasi Tahun 2016 -2020*.
- Trisuladana, R., & Suparman, A. (2017). Pengaruh pendidikan perkoperasian dan komitmen organisasi terhadap partisipasi anggota koperasi Cu Pundhi Arta. *Jurnal Bisnis: Teori dan Implementasi*, 8(1), 73-83.
- Venkatesh, V. & Davis, F.D. (2000). A theoretical extension of the technology acceptance model: Four longitudinal field studies. *Management Science*, 46(2), 186-204.
- Yusof, M. Z. M., Tahir, Z., Malek, J. A., & Salman, A. (2020). Cabaran usahawan muda dalam perniagaan industri kecil dan sederhana (IKS) di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(12), 355-366.